

20/12/1998

Pemuda Umno pertahan ketuanan Melayu

TANAH MERAH: Pergerakan Pemuda Umno menegaskan, matlamat perjuangannya bukan untuk mempertahankan individu, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemangku Ketuanya, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, sebaliknya berkata, perjuangan Pemuda adalah memastikan institusi kepemimpinan Melayu yang diperjuangkan sejak turun temurun, terus dipertahankan.

Oleh itu, katanya, sebagai sayap kanan parti, Pemuda tidak rela institusi berkenaan diperlekehkan oleh pihak yang cuba menggugat keamanan negara, termasuk campur tangan asing.

"Harus diingat, nilai murni yang menjadi pegangan kita seperti mengutamakan perpaduan, keamanan dan mentaati pemimpin adalah benteng ketahanan institusi itu selama ini.

"Tetapi jika nilai itu diganti dengan gerakan reformasi tanpa haluan, globalisasi keterlaluan ala Barat, nescaya institusi yang cuba dipertahankan itu boleh hancur dalam sekelip mata.

"Apabila keadaan itu berlaku, barulah timbul penyesalan yang tidak berguna lagi," katanya berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Kebangsaan Chetok, dekat sini.

Hishamuddin mengajak rakyat supaya merenung kembali apa akan terjadi kepada nasib bangsa, jika orang Melayu tidak bangkit menentang penubuhan Malayan Union pada ketika itu.

(END)